



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2017**

PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2017

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Pelaksanaan	2
	3.1 Tarikh Pembayaran	2
	3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Khas Tahun 2017	2
	3.3 Kaedah Bayaran Khas Tahun 2017	2
	3.4 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)	3
	3.5 Kod Urusniaga	4
	3.6 Pelarasan untuk Bayaran Khas	5
4.	Hal-Hal Lain	6
5.	Tarikh Berkuat kuasa	8
6.	Penutup	8



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2017**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Pusat Tanggungjawab

PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2017

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan Bayaran Khas Tahun 2017 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM1,000.00.
- 2.2 Kadar Bayaran Khas Tahun 2017 sebanyak RM500.00 juga dipanjangkan pemberiannya kepada pesara Kerajaan yang menerima pensyen.
- 2.3 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2017 – Bayaran Khas Tahun 2017 bertarikh 13 Disember 2017 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/DS(S)10/79/28(S.K.1/2017)(6) – Bayaran Khas *Contract For Service* Tahun 2017 bertarikh 14 Disember 2017.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan tatacara perakaunan bagi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh Pembayaran

Bayaran Khas Tahun 2017 ini akan dibayar pada **8 Januari 2018**.

3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Khas Tahun 2017

Kementerian/ Jabatan hendaklah membayar Bayaran Khas Tahun 2017 menggunakan peruntukan tahun 2018. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

3.3 Kaedah Bayaran Khas Tahun 2017

Terdapat dua (2) kaedah Bayaran Khas Tahun 2017 iaitu melalui:

3.3.1 Bayaran melalui Sistem Gaji Berkomputer

(a) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (PP)

- i) Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran Khas** kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- ii) Memproses Bayaran Khas Tahun 2017 setelah Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran Khas**.

(b) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i) Menyemak **Laporan Penerima Bayaran Khas**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut.
- ii) Bagi pegawai yang **berpindah keluar/masuk** dalam bulan November atau Disember 2017, Bayaran Khas Tahun 2017 masih di bawah tanggungan **Kementerian/Jabatan lama**.

iii) Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Khas Tahun 2017 dengan kaedah berikut:

- Bagi pegawai yang masih berkhidmat, tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran gaji bulan berikutnya;
- Bagi pegawai yang telah dikenakan tatatertib, ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan meletak jawatan dalam tahun 2017, kutipan tunai hendaklah dibuat ke atas pegawai.

3.3.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E)

Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- (a) Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew. 330E), Jenis Transaksi (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.
- (b) Pembayaran hendaklah dibuat mulai **8 Januari 2018** dan dipertanggungjawabkan kepada Peruntukan (Vot) Tahun 2018.
- (c) Kod Akaun yang perlu digunakan bagi Bayaran Khas Tahun 2017 seperti berikut:

Kod Akaun	Tujuan Kod Akaun
B0117104	Pemberian Khas Kakitangan Awam dan Pemberian Khas Kakitangan Awam (JUSA)
B0117204	Pemberian Khas Pasukan Keselamatan dan Pemberian Khas Pasukan Keselamatan (JUSA)
B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan

- 3.4 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

3.4.1 Cukai Pendapatan

Bayaran Khas Tahun 2017 tidak akan dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

3.4.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran Khas ini adalah tidak termasuk di bawah definisi “Upah” sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan dengan itu, ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3.4.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran Khas ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

3.5 Kod Urusniaga

Kod urusniaga yang perlu digunakan bagi Bayaran Khas Tahun 2017 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (<i>Payroll</i>)	Kod Akaun Penyelesaian	Perihal Kod Elaun (<i>Payroll</i>)
1083	851021	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan/ Pemberian Khas Kakitangan Awam
1084	851022	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Kakitangan Awam (JUSA)
1083	851023	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun Penyelesaian	Perihal Kod Elaun (Payroll)
1084	851024	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan (JUSA)
1083	851025	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan/ Pemberian Khas

3.6 Pelarasan untuk Bayaran Khas

3.6.1 Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (PP)

Memastikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) membuat pelarasan Akaun Amanah Penyelesaian kepada Peruntukan (Vot) Tahun 2018 seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Perihal Kod Elaun (Payroll)	Debit	Kredit	
		Kod Akaun	Kod Dana	Kod Akaun Penyelesaian
1083	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan/ Pemberian Khas Kakitangan Awam	B0117104	E302	L1312969
1084	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Kakitangan Awam (JUSA)	B0117104	E302	L1312991
1083	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuan Tahunan/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan	B0117204	E302	L1319992

Kod Elaun (<i>Payroll</i>)	Perihal Kod Elaun(<i>Payroll</i>)	Debit	Kredit	
		Kod Akaun	Kod Dana	Kod Akaun Penyelesaian
1084	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi/ Pemberian Khas Pasukan Keselamatan (JUSA)	B0117204	E302	L1312988
1083	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan/ Pemberian Khas	B0229306	E302	L1312989

3.6.2 Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Menyelaraskan Akaun Penyelesaian kepada Peruntukan (Vot) Tahun 2018 **selewat-lewatnya 25 Januari 2018.**

3.6.3 Tanggungjawab Kementerian/ Jabatan

Memastikan Bayaran Khas Tahun 2017 dibayar menggunakan Peruntukan Tahun 2018. Sekiranya Peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan Peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

4. HAL-HAL LAIN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Perakaunan boleh merujuk kepada pihak berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
Putrajaya

u/p : Unit Pengurusan Prestasi
Emel : unit_prestasi@anm.gov.my
No. Telefon : 03-8882 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH BERKUAT KUASA


Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh dikeluarkan.

6. PENUTUP

Kementerian/ Jabatan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



SAAT BIN ESA C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia
22 Disember 2017

s.k. :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua YB Pegawai Kewangan Negeri

Semua Akauntan/Bendahari Negeri